



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Kerajaan Tiada Hasrat Naikkan Cukai](#)

Utusan Malaysia - Kerajaan Tiada Hasrat Naikkan Cukai

🕒 Jumaat, Sep 29 2017



Kerajaan tiada hasrat naikkan cukai

UTUSAN 29/9

Oleh MUHD. SHAHIZAM TAZALI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 SEPT.

KERAJAAN tidak bercadang untuk menaikkan kadar cukai dalam Bajet 2018 kerana langka itu akan membebankan rakyat.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, dalam setiap pembentangan bajet, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa meletakkan permasalahan kos sara hidup sebagai keutamaan.

Jelas beliau, kerajaan sentiasa peka dengan kesukaran yang dihadapi rakyat dan akan mencari kaedah terbaik bagi menangani perkara berkenaan berdasarkan kepada pendapatan kerajaan.

“Cukuplah (cukai sedia ada) buat masa ini. Kerajaan tidak berhasrat menambah lagi beban rakyat,” katanya selepas majlis pelancaran aplikasi *GetCover* di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Bukan Eksekutif GetCover Sdn. Bhd., Datuk Marcus Kam; Ketua Pegawai Eksekutif GetCover Sdn. Bhd., Paul Khoo dan Ketua Pegawai Pemasaran GetCover Sdn. Bhd., Mark Tan.

Johari menambah, asas-asas negara kekal kukuh berdasarkan peningkatan jumlah eksport, per-



JOHARI ABDUL GHANI melancarkan aplikasi *GetCover* sambil diperhatikan **Marcus Kam** (kiri) dan **Mark Tan** di Kuala Lumpur, semalam.

tumbuhan positif Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) serta kestabilan harga minyak mentah dunia.

Bagaimanapun katanya, Malaysia harus menilai faktor luaran seperti geopolitik kerana mampu memberi kesan kepada ekonomi secara tidak langsung.

“Ketegangan yang berlaku antara Amerika Syarikat dengan Korea Utara ketika ini menimbulkan

situasi yang tidak menentu. Sekiranya berlaku perkara tidak diingini, ia bakal memberi kesan ekonomi kepada negara serantau,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain Johari berkata, aplikasi *GetCover* menawarkan perkhidmatan pembelian insurans motor menerusi telefon pintar daripada syarikat insurans seperti MPI Generali, LonPac dan Zurich Insurance & Takaful.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

